

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)
GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN, SUMBANGAN & PENGHARGAAN BERKAT

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
1. KEBAJIKAN					
1a.	Bencana Alam – kemusnahan harta benda seperti berikut: i. Rumah yang didiami (dimiliki/ disewa) oleh ahli; ii. Rumah yang dimiliki oleh ahli tetapi didiami oleh ibu/bapa ahli	• Ahli	<input type="checkbox"/> Berdasarkan jumlah Kerugian: <input type="checkbox"/> ≤ RM200 – nilai sebenar <input type="checkbox"/> RM201-RM1,000 – RM200 <input type="checkbox"/> RM1,001-RM3,000 – RM350 <input type="checkbox"/> RM3,001-RM5,000 – RM450 <input type="checkbox"/> RM5,001-RM10,000 – RM550 <input type="checkbox"/> ≥RM10,000 – RM700 (maksimum) <input type="checkbox"/> (Maksimum RM1,000/ keluarga setahun)	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli Laporan Polis / Laporan yang dibuat di laman web e-reporting PDRM (nyatakan kerugian) Pengesahan Pemilikan Aset (Lampiran C) Salinan akaun bank ahli 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh bencana
1b.	Kematian ahli	• Waris Ahli	<input type="checkbox"/> RM1,000	<ul style="list-style-type: none"> Salinan sijil kematian Salinan akaun bank waris Dokumen yang menunjukkan pertalian seperti salinan sijil nikah/sijil lahir/surat akuan sumpah 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kematian
1c.	Kematian keluarga ahli (Suami/ isteri/ Ibu dan bapa kandung/ anak)	• Ahli (seorang ahli sahaja layak mendapat sumbangan bagi kematian keluarga ahli yang sama)	<input type="checkbox"/> RM250	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli Salinan sijil kematian Dokumen yang menunjukkan pertalian seperti salinan sijil nikah/sijil lahir/HRMIS/surat akuan sumpah Salinan akaun bank ahli 	

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
1. KEBAJIKAN					
1d.	Bantuan kesusahan lain	• Anak ahli	<input type="checkbox"/> Tertakluk kepada kelulusan JK BERKAT (maksimum RM1,000/ keluarga)	• Slip gaji ahli • Dokumen sokongan berkaitan • Salinan akaun bank ahli	
1e	Menunaikan haji dan upacara keagamaan masing-masing	• Ahli	<input type="checkbox"/> Ahli menunaikan haji kali pertama RM500 <input type="checkbox"/> Ahli meraikan upacara keagamaan kali pertama RM500	• Slip gaji ahli • Dokumen sokongan berkaitan • Salinan akaun bank ahli	Dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh urusan haji/upacara keagamaan
1f	Bantuan Kursus Pengurusan OKU	• Ahli	<input type="checkbox"/> RM50 setahun tanpa had kelayakan pendapatan	• Slip gaji ahli • Dokumen sokongan berkaitan • Salinan akaun bank ahli	Dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh urusan kursus
1g	Bantuan Rawatan/Peralatan Perkembangan Pendidikan OKU	• Anak ahli	<input type="checkbox"/> RM200 setahun tanpa had kelayakan pendapatan berdasarkan perbelanjaan sebenar	• Slip gaji ahli • Dokumen sokongan berkaitan • Salinan akaun bank ahli	Dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh urusan rawatan/pembelian peralatan
2. PENDIDIKAN					
2a.	Persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> Anak kepada ahli berpendapatan bulanan seisi rumah RM6,000 dan ke bawah Permohonan layak sekali sahaja untuk kemasukan ke IPT bagi anak yang sama sekiranya pasangan juga ahli BERKAT Anak ahli yang meninggal dunia dalam perkhidmatan (anak yatim) 	<input type="checkbox"/> Pra sekolah (5 & 6 tahun) - RM50/ anak <input type="checkbox"/> Sekolah rendah (Tahun 1 – 6) – RM150/ anak <input type="checkbox"/> Sekolah menengah (Tingkatan 1 – 5) – RM150/ anak <input type="checkbox"/> Tingkatan 6 – RM150/ anak	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli dan pasangan Surat pengesahan pendapatan (sekiranya tidak mempunyai slip gaji/tidak bekerja) Salinan sijil lahir anak Salinan akaun bank ahli / waris 	Tertakluk kepada tarikh akhir yang diiklankan

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
2. PENDIDIKAN					
2b.	Masuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi kali pertama termasuk Diploma, Profesional Perakaunan, Ijazah, Sarjana dan PHD.	<ul style="list-style-type: none"> Anak ahli Permohonan layak sekali sahaja bagi anak yang sama sekiranya pasangan juga ahli BERKAT. Setiap anak sekali permohonan sahaja Anak ahli yang meninggal dunia dalam perkhidmatan (anak yatim) 	<input type="checkbox"/> RM200/anak bagi tanpa had kelayakan pendapatan <input type="checkbox"/> RM500/anak bagi pendapatan isi rumah < RM6,000	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli dan pasangan Surat pengesahan pendapatan (Sekiranya pasangan tidak mempunyai slip gaji/tidak bekerja) Salinan sijil lahir anak Salinan surat tawaran IPT Bukti pengesahan kemasukan ke IPT Salinan akaun bank ahli/waris 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh daftar IPT
2c.	Anugerah cemerlang dalam peperiksaan	<ul style="list-style-type: none"> Anak ahli Permohonan layak sekali sahaja bagi anak yang sama sekiranya pasangan juga ahli BERKAT Setiap anak sekali permohonan sahaja Anak ahli yang meninggal dunia dalam perkhidmatan (anak yatim) 	<input type="checkbox"/> UPKK (sekurangnya 8A) – RM50 <input type="checkbox"/> SPM (sekurangnya 8A) – RM120 <input type="checkbox"/> STPM (sekurangnya 3.67) <input type="checkbox"/> /STAM (sekurangnya mumtaz) – RM150	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli Salinan sijil lahir anak Salinan keputusan peperiksaan Salinan akaun bank ahli / waris 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh keluar keputusan peperiksaan

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
2. PENDIDIKAN					
2d.	Anugerah Kecemerlangan Peringkat Tertinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli & Anak ahli • Permohonan layak sekali sahaja untuk kemasukan ke IPT bagi anak yang sama sekiranya pasangan juga ahli BERKAT • Anak ahli yang meninggal dunia dalam perkhidmatan (anak yatim) 	<input type="checkbox"/> <i>Dean List</i> bagi Ijazah pertama bidang perakaunan – RM300/ anak & ahli <input type="checkbox"/> <i>Dean List</i> bagi ijazah pertama apa-apa bidang selain perakaunan – RM250/ anak & ahli <input type="checkbox"/> <i>First Class</i> bagi Sarjana/ tamat jaya PhD bidang perakaunan – RM300/ bagi ahli <input type="checkbox"/> <i>First Class</i> bagi Sarjana/tamat jaya PhD apa-apa bidang selain perakaunan – RM250 bagi ahli	<ul style="list-style-type: none"> • Slip gaji ahli • Salinan sijil lahir anak • Salinan transkrip akhir • Salinan sijil penganugerahan <i>dean list (cemerlang)</i>/Surat pengesahan penganugerahan • Salinan sijil PhD/Surat Senat Universiti • Salinan akaun bank ahli / waris 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh penganugerahan dean list
3. SOSIAL					
3a.	Perayaan Utama (Hari Raya Aidilfitri/ Tahun Baru Cina/ Deepavali/ Krismas/ Gawai/ Keamatan/ Vasakhi dan lain-lain perayaan utama) - Permohonan layak untuk satu perayaan utama sahaja dalam tahun yang sama	<ul style="list-style-type: none"> • Anak kepada ahli berpendapatan bulanan seisi rumah RM6,000 dan ke bawah (berumur ≤ 18 tahun/ anak OKU) • Permohonan yang sama layak sekali sahaja (pasangan juga ahli BERKAT). • Anak ahli yang meninggal dunia dalam perkhidmatan berumur ≤ 18 tahun/ anak OKU (anak yatim) 	<input type="checkbox"/> RM100/ anak	<ul style="list-style-type: none"> • Slip gaji ahli dan pasangan • Salinan kad pengenalan anak / sijil lahir anak • Salinan akaun bank ahli / waris 	Tertakluk kepada tarikh akhir yang diiklankan

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
3. SOSIAL					
3b.	Penghargaan Kecemerlangan Sosial Peringkat Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Anak ahli • Anak kepada ahli yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan (anak yatim) • Permohonan yang sama layak sekali sahaja (pasangan juga ahli BERKAT) • Terbuka kepada semua peringkat sama ada sekolah rendah/ menengah/ pengajian tinggi tempatan sahaja • Pengiktirafan antarabangsa sahaja (wakil negara) • Memperolehi penganugerahan sama ada juara, naib juara atau tempat ketiga sahaja. 	<input type="checkbox"/> RM100/ anak bagi setiap penganugerahan yang diterima	<ul style="list-style-type: none"> • Slip gaji ahli • Salinan kad pengenalan anak / sijil lahir anak • Sijil penganugerahan juara/ naib juara/ ketiga peringkat antarabangsa • Salinan akaun bank ahli 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh penganugerahan

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
4. KESIHATAN					
4a.	Masalah kesihatan yang teruk atau kritikal (rujuk definisi kesihatan kritikal pada soalan lazim)	<ul style="list-style-type: none"> Ahli Keluarga Ahli (Suami/ isteri/ anak ≤18 tahun/ anak OKU/ anak tiri/anak angkat yang sah disisi undang-undang/ibu bapa kandung 	<input type="checkbox"/> Maksimum RM1,000/ keluarga setahun – tertakluk kepada kelulusan JK BERKAT <input type="checkbox"/> Pendahuluan RM250 bagi masuk wad kerana penyakit kronik/ kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli Salinan sijil nikah ahli / salinan kad pengenalan anak/ sijil lahir anak (yang mana berkaitan) Pengesahan doktor Pengesahan Ketua Jabatan (jika berkaitan) Salinan akaun bank ahli 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kejadian
4b.	Kecederaan parah akibat kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan yang sama layak sekali sahaja (pasangan juga ahli BERKAT). 			
4c.	Peralatan sokongan bagi kurang upaya (jika tiada kelulusan kemudahan Kerajaan)				
4d.	Masuk wad untuk rawatan penyakit (kecuali bersalin)		<input type="checkbox"/> Berdasarkan bilangan hari masuk wad: <ul style="list-style-type: none"> o 1 hingga 3 hari – RM50; o 4 hingga 10 hari – +RM50; o Minggu seterusnya – + RM50 setiap genap seminggu; <input type="checkbox"/> Maksimum RM1,000/ keluarga setahun	<ul style="list-style-type: none"> Slip gaji ahli Salinan sijil nikah ahli / salinan kad pengenalan anak/ sijil lahir anak (yang mana berkaitan) Discharge Note / Pengesahan rawatan di wad Salinan akaun bank ahli 	Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh keluar wad
4e.	Masuk wad bagi rawatan keguguran				

BIL.	PERIHAL SUMBANGAN	KELAYAKAN	KADAR	DOKUMEN SOKONGAN	TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN
5. KEAHLIAN					
5a.	Penghargaan Persaraan	<input type="checkbox"/> Ahli	<input type="checkbox"/> RM200/ ahli yang bakal bersara	<ul style="list-style-type: none"> • Slip gaji ahli • Salinan akaun bank ahli • Surat Pemberitahuan Kelulusan Persaraan/Surat Kelulusan Faedah Persaraan 	Dalam tempoh 6 bulan sebelum atau selepas tarikh persaraan
5b.	Penghargaan Pertukaran	<input type="checkbox"/> Ahli	<input type="checkbox"/> RM100/ ahli yang merupakan pegawai kader atau gunasama telah berkhidmat dalam tempoh 10 tahun yang bertukar daripada JANM	<ul style="list-style-type: none"> • Slip gaji ahli • Salinan akaun bank ahli • Surat pertukaran keluar JANM • Surat Pertukaran masuk JANM/Surat pengesahan tarikh masuk oleh Agen/Maklumat HRMIS 	Dalam tempoh 6 bulan sebelum atau selepas tarikh keluar JANM

Nota:

1. Mesyuarat BERKAT Bil 4 Tahun 2020 bertarikh 15 Disember 2020 – Bersetuju (i) pelanjutan tempoh permohonan daripada 3 kepada 6 bulan; (ii) kadar bantuan perayaan dinaikkan kepada RM100; (iii) sumbangan kecemerlangan sosial peringkat antarabangsa & sumbangan persaraan kepada ahli diperkenalkan. Kesemua penambahan ini berkuatkuasa 1 Januari 2021.
2. Mesyuarat BERKAT Bil 1 Tahun 2021 bertarikh 30 Mac 2021 – Bersetuju (i) terma tuntutan 1 kali dalam tempoh setahun bagi bantuan bencana alam digugurkan daripada syarat kelayakan tuntutan; (ii) sumbangan kecemerlangan anak-anak di peringkat tertinggi diperkenalkan seperti mana bil 2d.
3. Bayaran sumbangan/bantuan dilaksanakan secara bulanan sama ada melalui kelulusan secara edaran atau melalui mesyuarat Jawatankuasa. Permohonan lengkap diterima diproses pada minggu pertama setiap bulan.
4. Mesyuarat BERKAT Bil 3 Tahun 2021 bertarikh 11 Oktober 2021 - Bersetuju Matrikulasi, Politeknik, Profesional Perakaunan layak dipertimbangkan bagi pemberian sumbangan kali pertama kemasukan ke IPT.
5. Mesyuarat BERKAT Bil 4 Tahun 2021 bertarikh 03 Januari 2022 – Bersetuju kadar pemberian bagi kerugian akibat bencana alam dipinda kepada jumlah kerugian \leq RM200 – bantuan adalah mengikut kepada nilai kerugian sebenar dan jumlah kerugian RM201-RM1,000 – bantuan diberi adalah RM200.
6. Mesyuarat BERKAT Bil 2 Tahun 2022 bertarikh 12 Disember 2022 - Bersetuju bagi perkara-perkara berikut:
 - i. Anugerah Kecemerlangan Peringkat Tertinggi diberikan juga kepada ahli yang menyambung pengajian diperingkat diploma dan ke atas;
 - ii. Pemansuhan Anugerah Cemerlang Dalam Peperiksaan bagi peperiksaan UPSR dan PT3;
 - iii. Pemberian cenderahati atau sumbangan bagi pegawai kader atau gunasama yang telah berkhidmat dalam tempoh 10 tahun yang bertukar daripada JANM sebanyak RM100;

- iv. Masalah kesihatan yang teruk atau kritis termasuk masalah kesihatan kronik berkaitan tulang; dan
 - v. Bantuan masuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi kali pertama kepada anak ahli termasuk juga melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana dan PhD.
7. Mesyuarat Dwi Tahunan BERKAT Kali ke 12 bertarikh 31 Mei 2024 - Bersetuju bagi perkara-perkara berikut:
- i. Definisi keluarga termasuk suami/ isteri/ Ibu dan bapa kandung/ anak/anak tiri dan anak angkat yang sah mengikut undang-undang.
 - ii. Anugerah Kecemerlangan Peringkat Tertinggi diberikan juga kepada ahli yang menyambung pengajian diperingkat Sarjana/PhD dan tidak termasuk diploma;
 - iii. Anugerah Cemerlang Dalam Peperiksaan bagi peperiksaan STPM dan STAM;
 - iv. Bantuan Kemasukan Persekolahahan baharu Tingkatan 6 dan dipinda bagi Sekolah Rendah serta Sekolah Menengah;
 - v. Sumbangan untuk ahli menuaikan haji dan upacara keagamaan masing-masing kepada ahli;
 - vi. Kemasukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi kali pertama tidak perlu kelayakan pendapatan; dan
 - vii. Had emolumen/pendapatan kasar isi rumah berdasarkan struktur pendapatan kumpulan isi rumah yang ditetapkan bagi golongan B40 untuk bantuan pendidikan dan perayaan utama.
8. **Bengkel Penambahbaikan Pengurusan BERKAT pada 13 Februari 2025 – Bersetuju bagi perkara-perkara yang berikut:**
- i. Maksimum bantuan bencana alam RM1,000/keluarga setahun;
 - ii. Bantuan Persekolahahan termasuk Pra sekolah RM50/anak, kadar bantuan dipinda bagi sekolah rendah (Tahun 1- 6) RM150/anak, sekolah menengah (Tingkatan 1 – 5) RM150/anak dan Tingkatan 6 RM150/anak;
 - iii. Bantuan kemasukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi kali pertama tidak termasuk sijil, asasi dan matrikulasi serta pindaan kadar bagi ahli tanpa had kelayakan pendapatan RM200/anak; dan
 - iv. Bantuan Kursus Pengurusan OKU RM50 setahun dan Bantuan Rawatan/Peralatan Perkembangan Pendidikan OKU RM200 setahun berdasarkan perbelanjaan sebenar tanpa had kelayakan pendapatan.

**BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)**

GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN, SUMBANGAN & PENGHARGAAN BERKAT

SOALAN LAZIM

A. SUMBANGAN/ BANTUAN KEBAJIKAN

1. Apakan kategori bantuan kebajikan BERKAT?

Terdapat tiga kategori bantuan kebajikan berkat iaitu:

- i) Bantuan bencana alam
- ii) Bantuan kematian **ahli/keluarga ahli**
- iii) Bantuan kesusahan lain
- iv) **Bantuan Menunaikan haji dan upacara keagamaan masing-masing**
- v) **Bantuan Kursus Pengurusan Anak OKU**
- vi) **Bantuan Rawatan/Peralatan Perkembangan Pendidikan OKU**

2. Apakah bencana alam yang layak memohon bantuan BERKAT?

Bencana yang layak dimohon bantuan BERKAT adalah merujuk kepada bencana alam yang menyebabkan kemasuhan barang/ peralatan yang berada di rumah seperti berikut:

- i) Rumah yang **didiami (dimiliki/ disewa)** oleh ahli; atau
- ii) Rumah yang dimiliki oleh ahli tetapi didiami oleh ibu/bapa ahli.

3. Adakah kerosakan kenderaan disebabkan bencana alam yang berlaku di luar kawasan rumah layak dimohon bantuan?

Kerosakan ke atas kenderaan disebabkan oleh bencana alam yang berlaku di luar kawasan rumah tidak dikategorikan sebagai bantuan yang layak dimohon.

4. Berapakan kadar bantuan bencana yang disumbangkan oleh BERKAT?

Kadar bantuan bencana alam BERKAT adalah bergantung kepada anggaran kerugian yang ditanggung oleh ahli akibat bencana alam yang berlaku seperti berikut:

Anggaran Kerugian	Kadar Bantuan
≤ RM1,000	RM200
RM1,001 – RM3,000	RM350
RM3,001 – RM5,000	RM450
RM5,001 – RM10,000	RM550
>RM10,000	RM700

5. Siapakah yang layak memohon bantuan kematian BERKAT?

Terdapat dua kategori pemohon yang layak untuk memohon bantuan kematian BERKAT iaitu:

- i) Ahli – permohonan bantuan disebabkan kematian keluarga ahli
- ii) Waris Ahli – permohonan bantuan disebabkan kematian ahli
- iii) Agen – permohonan bayaran balik

6. Apakah yang dimaksudkan sebagai ‘keluarga ahli’?

Keluarga ahli terdiri daripada suami/ isteri/ ibu kandung/ bapa kandung/ anak yang berumur 18 tahun dan ke bawah / anak OKU / anak tiri dan anak angkat yang sah mengikut undang-undang.

7. Berapakah kadar bantuan kematian yang disumbangkan oleh BERKAT? Kadar bantuan kematian adalah seperti berikut:

Kategori	Kadar Bantuan
Kematian Ahli	RM1,000
Kematian Keluarga Ahli	RM250

B. SUMBANGAN/ BANTUAN PENDIDIKAN

1. Siapakah yang layak memohon bantuan/ sumbangan Pendidikan BERKAT?

Terdapat 3 kategori pemohon yang layak untuk memohon bantuan / sumbangan pendidikan iaitu:

- i. Anak kepada Ahli yang susah di mana pendapatan kasar bulanan seisi rumah RM6,000 dan ke bawah; atau
- ii. Anak kepada pegawai yang telah meninggal dunia sewaktu masih menjadi ahli BERKAT; atau
- iii. Anak kepada ahli yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

2. Bagaimana untuk mengetahui status permohonan sama ada lulus ataupun tidak?

Semua keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada Agen BERKAT yang berkenaan secara emel. Agen BERKAT adalah bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan tersebut kepada ahli.

3. Adakah semua anak ahli yang layak akan menerima bantuan persekolahan?

Semua anak ahli yang memenuhi syarat kelayakan layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan persekolahan mengikut kadar yang telah ditetapkan.

4. Sekiranya terdapat lebih seorang anak yang memasuki IPT pada tahun yang sama, adakah kedua-duanya layak menerima bantuan yuran kemasukan IPT?

Merujuk kepada Para 2b di dalam polisi/garis panduan pemberian sumbangan Pendidikan BERKAT, kedua-dua anak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan mengikut kadar yang ditetapkan.

5. Adakah anak kepada ahli yang telah meninggal dunia layak mendapat bantuan pendidikan BERKAT?

Anak kepada ahli yang telah meninggal dunia layak diberikan bantuan persekolahan, bantuan masuk IPT buat kali pertama dan sumbangan bagi pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan.

C. PEMBERIAN SUMBANGAN/ BANTUAN KESIHATAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan penyakit yang teruk/kritikal di mana boleh diberi pertimbangan bantuan BERKAT?

Penyakit yang teruk/kritikal di mana boleh diberi pertimbangan bantuan BERKAT adalah seperti berikut:

1.1 KANSER

Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat berbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan histology yang jelas. Penyakit ini merangkumi leukemia lymphoma dan penyakit Hodlin tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak berbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali malignant melanoma.

1.2 SERANGAN JANTUNG

Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang ke bahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat. Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:-

a) Penggantian atau Pembaikan Injap Jantung

Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak.

a) Pembedahan Arteri Jantung/Coronary Angioplasty

Prosedur yang melibatkan coronary artery by-pass surgery dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk angioplasty.

b) Pembedahan Aorta

Prosedur yang melibatkan bahagian aorta yang sakit dibedah dan digantikan dengan graft. Aorta yang terlibat ialah thoracic dan abdominal aorta.

1.3 PULMONARY HYPERTENSION

Pengesahan mestilah diperolehi daripada doktor pakar yang berkaitan.

1.4 SAKIT BUAH PINGGANG YANG KRONIK

Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan dialisis renal dan pemindahan renal.

1.5 SAKIT HATI (LIVER) YANG KRONIK

Tanda-tanda penyakit ialah diserang penyakit jaundice, ascites dan/atau hepatic encephalopathy.

1.6 FULMINANT VIRAL HEPATITIS

Necrosis hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan massive parenchymal liver disease dan juga tanda-tanda portasystemic encephalopathy.

1.7 TUMOR DAN KECACATAN PEMBULUH DARAH DI OTAK

Pengesahan mestilah diperolehi daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.

1.8 MELEPUH DAN MELECUR KERANA KEBAKARAN

Third degree burns yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaikpulih.

1.9 PEMINDAHAN ORGAN UTAMA

Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru pancreas dan tulang sum-sum.

1.10 PENYAKIT PARKINSON

Pengesahan mestilah diperolehi daripada doktor pakar yang berkaitan.

1.11 PENYAKIT HIV DAN AIDS

Pengesahan mestilah diperolehi daripada doktor pakar yang berkaitan.

1.12 PEMINDAHAN KAKI DAN/ATAU TANGAN

Ini tidak merupakan penyakit dalam erti kata sebenar. Namun begitu kecederaan dan ketidaksempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan disebelah atas termasuk tangan dan sendi bahu dan anggota kaki di sebelah bawah termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemotongan kecil jejari kaki atau tangan tidak layak diberi bantuan.

1.13 PENYAKIT BERKAITAN TULANG

Pengesahan mestilah diperolehi daripada doktor pakar yang berkaitan.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan kecederaan parah akibat kemalangan yang boleh diberi pertimbangan bantuan BERKAT?

Kecederaan parah akibat kemalangan di mana boleh diberi pertimbangan bantuan BERKAT adalah seperti berikut:

2.1 Kecederaan Parah Akibat Kemalangan Jalan Raya Yang Disahkan oleh Pakar Perubatan

- i. Kecederaan disebabkan kemalangan mengakibatkan trauma teruk dengan defisit neurological yang juga boleh mengakibatkan kematian bila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan, atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.
- ii. Kecederaan parah melibatkan patah tulang di anggota badan yang boleh mengakibatkan kemasukan wad kecemasan dan pembedahan yang akan mengakibatkan kematian atau kecacatan kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar perubatan mestilah diperolehi.

2.2 Melepuh dan Melecur Kerana Kebakaran

Third degree burns yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaik pulih.

3. Bagaimanakah perkiraan sumbangan/ bantuan Masuk Wad?

Perkiraan sumbangan/ bantuan Masuk Wad adalah berdasarkan kadar bilangan hari masuk wad. Berikut adalah contoh perkiraan:

KES 1 : PENGIRAAN KADAR (BILANGAN HARI)

A merupakan ahli BERKAT, telah dimasukkan ke wad pada 1 Ogos 20x1 dan telah dibenarkan keluar wad pada 16 Ogos 20x1.

- (i) Berapakah kadar sumbangan yang layak diterima oleh A terima daripada BERKAT?
- (ii) Bilakah tarikh akhir penyerahan tuntutan daripada A kepada agen BERKAT?

Jawapan :

- (i) Jumlah bayaran ialah RM100 dengan perincian seperti yang berikut:

Bilangan Hari	Kadar (RM)	Pengiraan	
1-3 hari	RM50	1 Ogos 20x1 - 3 Ogos 20x1	RM50
4-10 hari	+ RM50	4 Ogos 20x1 – 10 Ogos 20x1	+ RM50
setiap genap seminggu	+ RM50	11 Ogos 20x1 – 16 Ogos 20x1	tiada (tempoh tidak cukup seminggu)

- (ii) Tarikh akhir tuntutan ialah 16 November 20x1

D. KEAHLIAN BERKAT

1. Siapakah yang layak menjadi Ahli BERKAT dan bagaimana permohonan untuk menjadi Ahli BERKAT?

Undang-undang dan Perlembagaan BERKAT Fasal 4 para 4.1 dan 4.2 telah menggariskan bahawa keahlian BERKAT terbahagi kepada dua(2) kategori seperti berikut;

- (a) Semua anggota yang berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara di seluruh Malaysia dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas dan berwarganegara Malaysia adalah secara automatik menjadi Ahli BERKAT.
- (b) Ahli keluarga terdiri daripada anggota keluarga ahli. Ahli keluarga tidak berhak mengundi dan memegang jawatan dalam BERKAT.

2. Bilakah Ahli BERKAT tidak lagi layak menjadi Ahli BERKAT?

Fasal 5 para 5.1 Undang-undang dan Perlembagaan BERKAT telah menyatakan bahawa ahli yang tidak lagi berkhidmat di JANM atau berhenti dari Perkhidmatan Perakaunan secara otomatis adalah berhenti daripada menjadi Ahli BERKAT.

3. Bolehkah Ahli BERKAT dipecat atau digantung dari menjadi Ahli BERKAT?

Fasal 5 para 5.2 Undang-undang dan Perlembagaan BERKAT telah menyatakan bahawa mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang BERKAT atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik BERKAT boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksana melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.